



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	03 /01/2018

## PPBM Temerloh desak ROS siasat, dakwa AGM tak sah

BH-31/2018 pg. 5

**Putrajaya:** Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) bahagian Temerloh, Pahang mendesak Jabatan Pendaftar Pertubuhan (ROS) menyiasat mesyuarat agung tahunan (AGM) baru-baru ini, kerana didakwa tidak sah dan melanggar perlembagaannya.

Ketua PPBM bahagian Temerloh, Amerus Che Onn, berkata sepatutnya parti itu mengarahkan cawangan dan bahagian mengadakan mesyuarat terlebih dahulu sebelum AGM pada peringkat pusat diadakan, sekali gus mempertikaikan kesahihannya.

Beliau juga mempertikaikan kesahihan senarai perwakilan yang menghadiri AGM kerana tidak dipilih melalui mesyuarat peringkat bahagian, termasuk pemilihan Pemuda serta Serikandi pada peringkat cawangan dan bahagian.

### Gesa siasatan terperinci

"Kami rasa dipermainkan dan beranggapan AGM ini sebagai 'syok sendiri' serta berharap ROS dapat menyiasat secara terperinci," katanya kepada media selepas menyerahkan laporan mendakwa mewakili 500 ahli PPBM bahagian Temerloh ke pejabat ROS di sini, semalam.

Pada 30 Disember lalu, PPBM mengadakan AGM sulungnya di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) Shah Alam, Selangor, seperti yang ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM mengikut Fasal 12.1 Perlembagaan parti berkenaan.

Amerus berkata, kepemimpinan tertinggi PPBM juga gagal menyelesaikan masalah dalaman parti pada peringkat cawangan atau bahagian dan sebaliknya hanya mementingkan perkembangan pada peringkat pusat sahaja.

Sehubungan itu, beliau menuntut Pengerusi PPBM, Tun Dr Mahathir Mohamad, meletak jawatan serta-merta kerana dilihat tidak ikhlas memperjuangkan kepentingan parti dan ahli.

Katanya, Dr Mahathir sebaliknya lebih cenderung kepada menjaga kepentingan peribadi.

"PPBM juga dilihat sebagai parti bersifat individu kerana hanya pucuk pimpinan pada peringkat tertinggi boleh bersuara pada AGM sedangkan suara daripada peringkat negeri dipinggirkan.

"Ahli peringkat cawangan dan bahagian tidak diberikan peluang untuk menyuarakan pandangan, serta menentang masalah dalaman parti, sekiranya amalan ini berterusan ia akan mengundang lebih banyak kemudaratan kepada parti," katanya.